



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



SIARAN MEDIA

MAJLIS APRESIASI MEDIA, PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI & MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI STRATEGIK

Ipoh, 27 Julai 2023 - Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Premier telah menyaksikan pemeterian kerjasama dengan 18 buah industri dari sektor perkilangan, perniagaan dan perkhidmatan serta kerajaan. Kerjasama ini meliputi aspek penyediaan tempat untuk latihan industri pelajar dan sangkutan industri untuk pensyarah; perkongsian kepakaran industri sebagai pensyarah pelawat, sumbangan peralatan serta geran penyelidikan.

Majlis ini turut menghargai sumbangan pengamal media yang aktif mempromosi PUO sesuai dengan statusnya sebagai IPT TVET yang berprestij. Malah perisytiharan 2 Jun setiap tahun sebagai Hari TVET negara adalah bersempena dengan tarikh penubuhan PUO pada 2 Jun 1969. Seramai sekurang-kurangnya 25 orang pengamal media dari 21 agensi media negeri dan nasional telah hadir meraikan majlis apresiasi ini.

Majlis turut dihadiri oleh 9 orang Ahli Jawatankuasa Penasihat Industri PUO yang di pengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sufri Bin Mohd Zin. Mereka bermesyuarat di sebelah petangnya bagi mendapatkan perkembangan terkini politeknik serta membincangkan lebih lanjut bagaimana PUO dapat meningkatkan sumbangan dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan berketrampilan dengan sokongan industri. Sehingga ke hari ini, seramai lebih 87,000 graduan dalam bidang kejuruteraan, teknologi serta perniagaan telah berjaya dikeluarkan oleh PUO semenjak penubuhannya.

Tahun 2023 menyaksikan perkembangan baharu dan pencapaian terbaik institusi ini sejak penubuhannya. Terkini PUO telah mendapat anugerah tertinggi audit kualiti TVET oleh **Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) dengan anugerah Platinum**. Pencapaian ini merupakan satu pengiktirafan di peringkat serantau akan kualiti pengurusan serta penyampaian pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Ungku Omar.

PUO juga buat julung kalinya pada 24 Julai 2023 telah menerima seramai 94 orang pelajar lepasan SPM bagi mengikuti program ASASI TVET yang menyediakan laluan untuk mengikuti program ijazah dalam bidang teknologi kejuruteraan di empat buah universiti MTUN (*Malaysia Technical Universities Network*). Pelajar-pelajar akan mengikuti pengajian selama 2 semester di PUO. Inisiatif ini akan meningkatkan lagi peluang para pelajar mengikuti pengajian di dalam aliran TVET. Untuk rekod, Politeknik dan Kolej Komuniti merupakan penyumbang terbesar terhadap enrolmen TVET negara iaitu sebanyak 40%.

Istiadat Konvokesyen PUO kali ke-51 akan diadakan pada 14 - 18 Ogos 2023 yang akan menyaksikan seramai 2,062 orang graduan tamat pengajian pada tahun 2022 dan 2023. Konvokesyen ini merupakan satu lagi batu tanda akan sumbangan PUO dalam melahirkan graduan berkualiti yang menjadi rebutan industri dan perniagaan di Malaysia.

PUO optimis program ini merupakan langkah proaktif merapatkan hubungan aktif diantara pengamal media dan Politeknik Ungku Omar serta merealisasikan hasrat kerajaan untuk mempromosi TVET sebagai pilihan utama sektor pendidikan tinggi di Malaysia.

Politeknik Ungku Omar, Home of TVET Champions.

**Politeknik Ungku Omar
27 Julai 2023**